

TARIKH	25 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	News

Teruja jejak kaki di Mekah

Pasangan warga emas kumpul wang sejak empat tahun lalu

FELDA SUNGAI KOYAN - Kebanyakan bakal haji nyata teruja untuk menjejak kaki ke tanah suci sekali gus menunaikan rukun Islam kelima tidak lama lagi.

Seorang bakal haji dari Felda Sungai Koyan 3, Ghazali Shaari, 68, berkata, penantian selama dua tahun akhirnya tercapai apabila Lembaga Tabung Haji meluluskan permohonannya untuk menunaikan haji.

Menurutnya, setiap umat Islam perlu menanam niat mendalam untuk menunaikan haji dan sentiasa berusaha mencari jalan supaya impian itu terlaksana.

"Saya dan isteri, Rabti Khulub Mat Yassin, 68, mula mengumpul wang sejak empat tahun lalu. Kami berazam untuk menunaikan haji sebelum berusia 70 tahun.

"Alhamdulillah. Berkat kesabaran dan hasil jualan kelapa sawit, akhirnya kami dapat mengumpul wang berkenaan. Anak-anak turut membantu memberikan wang setiap bulan," katanya selepas Majlis Jamuan Hari Rava Ahli Parlimen Cameron Highlands, Datuk SK Devamany, di sini, semalam.

Pada mailis itu, Devamany turut menyampaikan sumbangan RM300 kepada seramai 35 bakal haji dan RM3,000 kepada Kelab Basikal

Felda Sungai Koyan serta Persatuan Srikandi Sungai Koyan.

Beliau turut menyampaikan sumbangan RM100 kepada seramai 1,800 orang kurang bernasib baik Mukim Jelai terdiri daripada ibu tunggal, pesakit kronik, warga emas dan orang kurang upaya.

Manakala, seramai 10 pelajar cemerlang turut menerima sumbangan Badan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) sebanyak RM600 seorang.

Sementara itu, Devamany berkata, semua bakal haji di Parlimen Cameron Highlands diminta mematuhi peraturan ditetapkan pihak berkuasa Arab Saudi.

"Ia penting untuk mengekalkan reputasi baik negara yang disegani kerana jemaah hajinya berdisiplin.

"Bakal haji juga wajar menjaga kesihatan supaya mereka lebih selesa beribadah dan mengerjakan rukun haji sehingga selesai," katanya.

TARIKH	25 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	NEWS



Devamany (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Kuala Medang, Hassan Mat Sam, semalam.